



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN LIMBANG**

Tingkat 1 - 3, Lot 2002 LTD
Jalan Tarap
98700 LIMBANG SARAWAK
MALAYSIA

Telefon : 085-212355 / 212773 / 211709
Faks : 085-212624
Laman Web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.LMBG.600-1/8/1 Jilid 23 (3)
Tarikh : 26 Februari 2026

Ketua – Ketua Jabatan Persekutuan
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Daerah Limbang.

Ketua – Ketua Jabatan Kerajaan Negeri
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Daerah Limbang.

Ketua – Ketua Jabatan Persekutuan
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Daerah Lawas.

Ketua – Ketua Jabatan Kerajaan Negeri
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Daerah Lawas.

Ketua Jabatan,
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
Majlis Daerah Limbang.

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN BAGI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2025
(LEJAR AKRUAN)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan JANM.600-2/2/4(18) bertarikh 13 Oktober 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan hendaklah disediakan untuk tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2025 (Penutupan Akaun Akhir Tahun - Lejar Akruan) berakhir 31 Disember 2025 oleh Pejabat Perakaunan. Semua PTJ di bawah seliaan JANM Cawangan Limbang hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut :

- a) Menyediakan Pengesahan Baki bagi kod akaun berikut mengikut panduan yang disertakan bersama surat ini ;

Ruj. Kami : JANM.LMBG.600-1/8/1 Jilid 23 (3)

Tarikh : 26 Februari 2026

BIL	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL
1.	DEPOSIT	L11*	N(A) & N(B)	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/ Ekuiti Laporan Kedudukan Baki Subsidiari/Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit di Portal iGFMAS.
2.	AKAUN BELUM TERIMA (ABT) ONGOING RECEIVABLES	A0481101	B7 & B7(A)	Laporan Invois Terperinci di Portal iGFMAS

- c) Memastikan Pengesahan Baki yang perlu dikemukakan kepada JANM Cawangan Limbang adalah lengkap dan sempurna selewat-lewatnya **06 Mac 2026 (Jumaat)**. PTJ hendaklah mengemukakan **4 SET ASAL** bagi setiap lampiran yang berkaitan berserta surat iringan.

3. Setiap Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan iaitu **mengikut PTJ DIPERTANGGUNG** dan **disahkan serta ditandatangani oleh Ketua Jabatan** tuan/puan. Format Pengesahan Baki ini boleh dimuat turun melalui portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Limbang. Dilampirkan bersama panduan berikut untuk rujukan tuan/puan:

4. Sebarang pertanyaan berhubung pengesahan baki hendaklah dirujuk kepada Unit yang berkenaan di JANM Cawangan Limbang seperti berikut :

Bil	Perkara	Unit / No Telefon
1	Akaun Deposit , Pengesahan ABT <i>Ongoing Receivables</i>	Unit Akaun 013-5129901

Ruj. Kami : JANM.LMBG.600-1/8/1 Jilid 23 (3)

Tarikh : 26 Februari 2026

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan untuk Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun 2025 adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(SAZALINA BINTI WAHAP)

b.p Pengarah Cawangan,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Limbang.